

## Hati-hati dengan 'pencuri' Ramadan

SAUDARA PENGARANG.

**HARI** ini, seolah-olah manusia tidak boleh hidup tanpa televisyen dan pelbagai gajet lain yang menyajikan pelbagai bentuk hiburan dan hampir setiap rumah memilikinya.

Sabtu hari kita menghabiskan masa berjam-jam semata-mata untuk menonton hiburan di televisyen dan gajet-gajet terbabit. Terlalu banyak masa dibazirkan.

Kita sibuk menonton rancangan sukan, filem atau drama dan lawak yang melalaikan. Disebabkan televisyen dan gajet-gajet ini, kita tidak membaca al-Quran, malas ke masjid, kurang interaksi dan meninggalkan sembahyang berjemaah ekoran sibuk melayan hiburan.

Sebenarnya, televisyen merupakan 'pencuri' Ramadan yang paling akrab dengan kita kerana mencuri pahala puasa kita tanpa disedari.

Dalam pada itu, ketika Ramadan, kita terjumpa dengan menu-menu baharu yang diperkenalkan oleh peniaga. Sepatutnya kita tidak menambah hidangan makanan sebaliknya memperbanyak amalan sunat yang lain untuk meraih cinta Allah SWT.

Ketika Ramadan datang, setelah kita melakukan perkara yang diwajibkan seperti puasa maka eloklah disusuli dengan amalan tambahan untuk diamalkan yang memberi ganjaran berlipat ganda pada kita.

Nak dapat berkat mesti ikut cara Nabi Muhammad SAW. Amalan yang dilakukan baginda sepanjang bulan puasa seperti bersahur, berdoa sebelum berbuka dan sembahyang sunat rawatib amat dituntut. Sembahyang sunat rawatib merupakan sembahyang sebelum atau selepas sembahyang fardu.

Selain itu, sembahyanglah di awal waktu, sembahyang berjemaah, sedekah setiap hari walaupun RM1 dan tidur sekejap sebelum zuhur dengan niat untuk menyambung ibadah seterusnya. Tidur begitulah yang menambah hidangan kita, bukannya tidur sepanjang hari.

Kita perlu memperbanyak amalan sunah yang menjana kehidupan sebagai seorang mukmin dan tidak membiarkan masa berlalu dengan penuh kerugian.

**PROFESOR MADYA DR. MOHAMAD KHADAFI ROFIE**

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah  
Universiti Utara Malaysia (UUM)



**SEPANJANG** Ramadan, lakukan amalan bersedekah setiap hari walaupun RM1.